

Jangan musuhi penentang — PM

UM 14 MAY 2000

KUALA LUMPUR 13 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihati ahli-ahli UMNO supaya jangan memusuhi atau menedera golongan yang menentang kerajaan kerana tindakan tersebut akan merugikan parti itu sendiri.

Perdana Menteri berkata, penentang-penentang kerajaan yang terdiri daripada kakitangan awam juga tidak perlu didera dengan cara memindahkan mereka bertugas ke tempat yang jauh dari keluarga atau dimusuhi hanya kerana mereka mengundi atau bekerja untuk pembangkang pada pilihan raya lalu.

Sebaliknya kata beliau, golongan ini perlu didekati untuk diberi penjelasan dan penerangan sebenarnya sehingga mereka benar-benar faham.

“Kita tidak harus bermusuhan dengan mereka kerana mereka menentang kita kerana mereka tidak faham tentang perjuangan UMNO atau tidak faham peristiwa-peristiwa tertentu,” katanya ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung UMNO di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, sekiranya kakitangan awam yang menentang kerajaan itu dihantar jauh seperti ke Sabah, mereka tidak akan berdiam diri sebaliknya bekerja lebih kuat untuk pembangkang.

“Apabila mereka rasa mereka teraniaya mereka akan bekerja lebih kuat untuk pembangkang dan sanggup balik berkempen sehingga ke Kelantan.

“Sebab itu kita dapat undi yang kurang, dan orang Kelantan yang berada di Kuala Lumpur balik ke negeri itu beramai-ramai bagi membantu pembangkang.

“Sebab itu ada yang berkata kita tidak perlu mencari terlalu banyak musuh kalau semua dijadikan musuh esok kita akan mendapat masalah,” tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, sebelum satu-satu tindakan itu diambil, UMNO perlu mengetahui mengapa golongan itu menentang kerajaan sedangkan sebelum ini mereka adalah penyokong kerajaan.

Tindakan

“Sebelum satu-satu tindakan diambil kita mesti tahu benar atau tidak tuduhan yang dibuat dan apa sebabnya mereka menentang kita sedangkan sebelum ini mereka adalah penyokong kita,” katanya.

Menurut beliau, ahli-ahli UMNO yang turut menentang kerajaan juga perlu diperbetulkan juga kerana kerajaan berada di pihak yang banar.

Selain itu kata Perdana Menteri, kerajaan juga perlu berusaha untuk merapatkan diri dengan golongan itu bagi membolehkan penjelasan sebenar diberikan kepada mereka.

“Kita akan berusaha merapatkan diri dengan golongan itu supaya dapat kita jelaskan kepada mereka tentang apa dia UMNO, apa perjuangan UMNO, apakah

yang dilakukan oleh UMNO dan apakah peristiwa-peristiwa yang timbulkan perasaan kemarahan mereka supaya mereka tahu keadaan sebenarnya.

“Dengan itu mereka boleh buat pertimbangan yang lebih adil kerana kalau kita cuma dengar sebelah sahaja sudah tentu kita dapati orang yang memberitahu kepada kita ceritanya selalu tidak pernah salah.

“Tetapi apabila kita mendengar pihak yang lain, kita dapati pihak yang lain juga tak salah. Kedua-dua belah tak salah. Macam mana boleh jadi satu-satu perkara kalau dua-dua belah pihak tak salah,” ujarnya lagi.

Perdana Menteri memberitahu, beliau pernah mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai sebuah agensi kerajaan yang dikatakan menentang kerajaan sebelum ini.

“Saya buat penjelasan tiga jam kepada pegawai-pegawai tinggi daripada agensi kerajaan selain menjawab soalan-soalan mereka.

“Pada akhir pertemuan mereka semua bangun dan bertepuk tangan atas penjelasan yang diberikan,” katanya.

Dr. Mahathir yakin permusuhan golongan tersebut dengan kerajaan sedikit sebanyak dapat dikurangkan dengan cara sedemikian.